

Headline	Kematian Pang Soon Gi satu kehilangan kepada PLKN		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	03 Apr 2013	Language	Malay
Circulation	23,655	Readership	
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	6	ArticleSize	81 cm ²
AdValue	RM 162	PR Value	RM 486



Kematian Pang Soon Gi satu kehilangan kepada PLKN

KULIM: Kematian novelis dan aktivis sukarelawan Pang Soon Gi, 21, yang lemas di Langkawi pada 30 Mac lalu merupakan satu kehilangan kepada Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) kerana mendiang banyak menghulurkan sumbangan sukarela kepada jabatan itu.

Ketua Pengarah JLKN Datuk Seri Abdul Hadi Awang Kechil berkata mendiang yang merupakan bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kumpulan 2 Siri 7/2010 di Kem PLKN UUM, Sintok meneruskan sumbangannya selepas menamatkan latihan.

Antara sumbangan besar mendiang ialah menghasilkan buku panduan PLKN dalam bahasa Mandarin dan buku itu membantu menarik lebih ramai belia Cina menyertai PLKN, katanya kepada pemberita di sini kelmarin.

Menurut Abdul Hadi, beliau pernah menawarkan jawatan jurulatih PLKN kepada mendiang namun ditolak memandangkan mendiang sedang menuntut di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Beliau ditemui pemberita ketika mengunjungi ibu bapa mendiang di rumah mereka di Taman Ria dekat sini, untuk mengucapkan takziah bagi pihak Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.-Bernama